

U B216 AAB
MAHATHIR - PERTEMUAN

KUALA LUMPUR, 19 NOV (BERNAMA) -- PERJUMPAAN ANTARA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD DAN TENGGU RAZALEIGH HAMZAH TIDAK AKAN DIADAKAN SECARA +EMPAT MATA+ TETAPI TURUT DISERTAI OLEH BEBERAPA PEMIMPIN LAIN DARIPADA KEDUA-DUA PIHAK.

PERDANA MENTERI BERKATA, PERTEMUAN ITU TIDAK AKAN MELIBATKAN BELIAU DAN PEMIMPIN PARTI SEMANGAT 46 ITU SAHAJA KERANA IA BERTUJUAN MENCARI JALAN MENYELESAIKAN MASALAH PERPADUAN.

+BUKAN SAYA SEORANG SAHAJA. SUDAH TENTU PIHAK TENGGU RAZALEIGH AKAN MEMBAWA RAKAN-RAKANNYA DAN SAYA JUGA AKAN MEMBAWA RAKAN-RAKAN... KERANA KITA NAK CARI CARA UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH. KITA BUKAN LEBIH MENGUTAMAKAN FORMALITY... TETAPI LEBIH UTAMAKAN PERPADUAN,+ KATANYA PADA PERSIDANGAN AKHBAR SELEPAS BERAKHIRNYA PERHIMPUNAN AGUNG UMNO DI SINI HARI INI.

KATANYA, PERTEMUAN ITU AKAN DIADAKAN SECEPAT MUNGKIN APABILA BELIAU MEMPUNYAI KELAPANGAN MASA.

APABILA DITANYA APA YANG BELIAU JANGKAKAN DARIPADA PERTEMUAN ITU KELAK, DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO ENGGAN MEMBUAT ANDAIAN AWAL SEBELUM PERTEMUAN ITU DIADAKAN. -- LAGI
2014MST 19 11 89

U B221 AAB
MAHATHIR - PERTEMUAN 2 KUALA LUMPUR

+SAYA TIDAK TAHULAH... JANJI JUMPA DULU. SAYA NAK DENGAR APA DIA NAK KATA,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA, BELIAU TIDAK BOLEH MENYATAKAN APA YANG AKAN DIBAWA PADA PERTEMUAN ITU KEPADA AKHBAR KERANA IA BOLEH MENJEJASKAN PERTEMUAN ITU.

MENGENAI KEMUNGKINAN TENGGU RAZALEIGH MAHUKAN AGAR UMNO LAMA DIPULIHKAN, BELIAU BERKATA, PERHIMPUNAN TELAH MEMUTUSKAN BAHAWA SEGALA YANG BOLEH MEMBAWA PERUBAHAN PARTI MESTI DIRUJUK KEPADA PERHIMPUNAN.

KATANYA, BERDASARKAN PANDANGAN YANG DIKEMUKAKAN PADA PERHIMPUNAN ITU, PARA PERWAKILAN BERPENDIRIAN BAHAWA UMNO YANG ADA SEKARANG MERUPAKAN UMNO, YANG ASAL DAN SOAL PENGISYTIHARAN TIDAK SAH DI MAHKAMAH HANYA MERUPAKAN SOAL TEKNIKAL.

MENGENAI PERHIMPUNAN TAHUN INI, BELIAU BERKATA, PARA PERWAKILAN TELAH MENUNJUKKAN SEMANGAT TINGGI DAN MENYATAKAN PENDIRIAN YANG POSITIF TERHADAP RANCANGAN DAN DASAR PARTI.

MENURUTNYA, MEREKA BEBAS MENKRITIK KERAJAAN DAN SANGGUP PULA MENERIMA PENJELASAN DARIPADA PARA PEMIMPIN PARTI MENGENAI BEBERAPA ISU. -- LAGI

2028MST 19 11 89

U B226 AAB
MAHATHIR - PERTEMUAN 3 KUALA LUMPUR

SEMASA MENGULAS TENTANG KEANGGOTAAN PARTI, BELIAU YAKIN LEBIH RAMAI AKAN MENYERTAI PARTI ITU TERMASUK MEREKA YANG MAHU KEMBALI KE DALAM PARTI.

BELIAU BERKATA, BILANGAN ANGGOTA PARTI SERAMAI 1.3 JUTA SEKARANG ADALAH LEBIH TEPAT BERBANDING BILANGAN 1.4 JUTA ANGGOTA MASA DULU KERANA SENARAI KEANGGOTAAN PARTI KINI DIPROSES MELALUI KOMPUTER DAN TIDAK BERLAKU KIRAAN DUA KALI.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENGINGATKAN KEPADA MEREKA YANG BERHASRAT UNTUK MENYERTAI UMNO BAHAWA MEREKA PERLU MENERIMA SEGALA SYARAT DAN MATLAMAT PERJUANGAN UMNO.

KATANYA, UMNO JUGA SEDANG GIAT MENJALANKAN USAHA MENAMBAH KEANGGOTAAN DAN MENAMBAH KATA BAHAWA BARU-BARU INI SERAMAI 500 ANGGOTA PAS DI TERENGGANU TELAH MENYERTAI UMNO.

KETIKA DITANYA SAMA ADA UMNO AKAN MENGUSAHAKAN SUPAYA PARA PELAJAR YANG MENGANGGOTAI KELAB UMNO DI LUAR NEGERI AKAN DIBERI PELUANG MENGUNDI SEMASA PILIHAN RAYA, BELIAU BERKATA, SETAKAT INI TIADA PERUNTUKAN BAGI MEMBOLEHKAN MEREKA YANG BERADA DI LUAR NEGERI UNTUK TURUT MENGUNDI.

MENURUTNYA, PENGUNDIAN SECARA POS KETIKA INI HANYA MELIBATKAN PARA ANGGOTA TENTERA SAHAJA TETAPI BELIAU JUGA TIDAK PASTI SAMA ADA ANGGOTA TENTERA YANG SEDANG BERTUGAS DI IRAQ DAN NAMIBIA BOLEH MENGUNDI SECARA POS.

-- BERNAMA
2029MST 19 11 89